

ABSTRAK

Wakaf merupakan instrumen terpenting selepas zakat dalam menggerakkan sumbernya ke arah pembangunan sosial ekonomi umat Islam secara amnya. Namun demikian, institusi wakaf di Malaysia tidak sepatutnya menjadikan harta wakaf sebagai harta simpanan dan ianya perlu digerakkan demi mencapai matlamat atas wakaf itu sendiri. Dalam hal ini, kontrak Musaqah adalah satu alternatif yang perlu diketengahkan dalam membangunkan tanah wakaf terbiar untuk projek pertanian yang boleh menjana keuntungan yang berpanjangan dan lumayan.

PENDAHULUAN

Wakaf merupakan amalan yang disyariatkan oleh Islam kerana dengan amalan wakaf seseorang itu dapat membantu sesama insan yang memerlukan.

Terdapat beberapa takrifan wakaf yang dikemukakan oleh beberapa orang alim ulama, antaranya :

Imam Syafi'e : Amalan wakaf juga dikenali sebagai sedekah *muhramat*.

PENDAHULUAN (cont)

Mazhab Imam Nawawi : Wakaf ialah terhalangnya harta yang boleh dimanfaatkan dari harta tersebut dengan mengekalkan zat harta itu. Dengan hilang penguasaan memiliki harta tersebut dan perlakunya membawa kepada kebaikan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Imam Sarkhasi dari Mazhab Hanafi : Wakaf ini ialah tertahan pemilikan harta daripada orang lain.

Berdasarkan kepada takrifan-takrifan oleh para ulama, jelas menunjukkan bahawa wakaf ini adalah tertahan dari sudut pemilikannya dan manfaatnya boleh dinikmati bersama demi membangunkan sosial dan ekonomi umat Islam secara amnya.

PERMASALAHAN KAJIAN

- > Masih terdapat banyak harta-harta wakaf yang gagal dibangunkan demi kepentingan umat Islam.
- > Matlamat para pewakaf masih belum tercapai.
- > Keadaan umat Islam yang miskin masih ramai.

PENDEKATAN KONTRAK MUSAQAH

Pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang bertujuan membasi kekiskinan adalah kurang membanggakan dalam membangunkan ekonomi bumiputera-muslim. Dengan kewujudan instrumen wakaf, ianya boleh dijadikan pemangkin dalam mengurangkan kadar kemiskinan negara dengan penumpuan terhadap kaum Melayu yang beragama Islam di Malaysia.

Pembangunan Tanah Wakaf yang Terbiar :

- > Bertujuan perladangan dengan menggunakan kontrak *Musaqah* bagi menggalakkan golongan miskin untuk bekerja.
- > Dapat menjana pendapatan golongan miskin.
- > Mewujudkan peluang pekerjaan.
- > Di bawah pemantauan pihak berwajib iaitu Majlis Agama Islam Negeri.

MUSAQAH

Ialah usahasama pengurusan dalam pertanian


Definisi :

- > Segi bahasa : Saling menyiram

MUSAQAH (cont)

> Segi syarak : Satu kontrak penyerahan tanaman atau pohon kepada orang yang menjaga dan memelihara tanaman dengan agihan hasil atau ianya merupakan satu kontrak kerja berdasarkan hasil tanaman.

RAJAH 1



HUKUM MUSAQAH

Harus

Majoriti Ulama iaitu Imam Malik, Al-Sya'fi'e, Al-Tsauri, Abu Yusuf, Muhammad Bin Hassan, Ahmad dan Daud.

Berlandaskan kepada hadis Rasulullah SAW yang bermaksud :

HADIS

Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim :

"Ibnu Umar r.a telah menceritakan bahawa Rasulullah SAW pernah membenarkan penduduk Yahudi Khaibar untuk menggarap tanahnya dengan balasan separuh dari hasil kebun buah-buahan atau tanahnya."

Menurut riwayat lain yang berasal dari Bukhari dan Muslim :



By Aisyah
cheatography.com/aisyah/

Published 26th June, 2020.

Last updated 26th June, 2020.

Page 1 of 2.

Sponsored by [Readable.com](https://readable.com)
Measure your website readability!
<https://readable.com>

HADIS (cont)

" Bahawa lalu mereka meminta agar Nabi SAW dilizinkan tinggal di Khaibar, dan mereka bersedia untuk menggarap tanahnya, dengan balasan separuh dari hasil buahnya. Rasulullah SAW bersabda ; " Baiklah, kami mengizinkan kamu tinggal padanya dengan syarat tersebut selama kami menyukainya." - Maka mereka pun tinggal di Khaibar hingga di usir dari Khaibar oleh Khalifah Umar r.a."

HUKUM MUSAQAH

TIDAK DIPERBOLEHKAN SAMA SEKALI

Oleh Abu Hanifah dan Zufar

> Mereka tidak mengharuskan usahasama pengurusan dan mereka menganggap agihan melalui hasil buah sebagai perkara yang tidak sah kerana bagi mereka, ia merupakan upah melalui hasil buah yang mana dilarang oleh syara'.

> Pendapat mereka berasaskan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud :

"Sesiapa yang mempunyai tanah hendaklah dia mengusahakan dengan bercucuk tanam dan tidak ada pembahagian yang lain sama ada 1/3 ataupun 1/4 dan tidak ada hak yang ditentukan."

RUKUN MUSAQAH

1. KEDUA PIHAK YANG BERKONTRAK

BERKONTRAK : Kontrak yang dibuat oleh seorang yang diharuskan berurusan dalam perkara harta adalah sah (iaitu seseorang yang berakal dan baligh)

2. OBJEK MUSAQAH : Imam Syafi'e mensyaratkan buah kurma dan anggur.

3. BUAH : Pendapat yang terkuat bagi ulama' Syafi'e yang juga merupakan pendapat Mazhab Hanbali ialah kontrak *Musaqah* dikira sah apabila pohnnya mula berbuah meskipun belum masak.

4. KERJA : Pengurus diberi kuasa sepenuhnya ke atas kerja berkenaan.

5. IJAB & QABUL : Ungkapan boleh dibuat oleh pihak pemilik atau pengurus.

CARA PELAKSANAAN KONTRAK MUSAQAH

1. Pengumpulan modal daripada orang ramai melalui kutipan saham wakaf dan sumbangan saham wakaf pokok.

2. Pihak Majlis Agama Islam Negeri atau pihak berkuasa akan membuat pilihan, hanya golongan miskin yang berkemampuan sahaja dari sudut fizikal dan mental untuk bekerja.

3. Pihak berkuasa akan membayar upah (ujrah) kepada golongan pengusaha.

CARA PELAKSANAAN

KONTRAK MUSAQAH (cont)

4. Pengusaha akan menguruskan ladang sehingga buah dapat dikutip dan dijual.

5. Apabila buah sudah masak dan dijual, hasil jualan perlu diagihkan diantara pengusaha dan pihak berkuasa.

KESIMPULAN

> Kontrak *Musaqah* ini serba sedikit menjadi pemangkin ataupun penggerak kepada pembangunan wakaf di Malaysia.

> Tanah wakaf dapat dioptimalkan sebaik mungkin.

> Menjana pendapatan yang lebih tinggi terutamanya untuk umat Islam.

> Membasmi kemiskinan yang sedia ada.

> Pembangunan sosial ummah yang lebih baik & berkesan pada masa hadapan.



By Aisyah

cheatography.com/aisyah/

Published 26th June, 2020.

Last updated 26th June, 2020.

Page 2 of 2.

Sponsored by **Readable.com**

Measure your website readability!

<https://readable.com>